



Jabatan Alam Sekitar · Ikut

3h · 🌐



SEBUAH SYARIKAT DIDAKWA DI MAHKAMAH KERANA MEMBENARKAN PEMBAKARAN TERBUKA BERLAKU DI TAPAK DAN GAGAL MEMATUHI SYARAT KELULUSAN LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

17 JANUARI 2025, BUTTERWORTH:

Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Butterworth, Pulau Pinang hari ini telah menjatuhkan hukuman jumlah denda sebanyak RM200,000.00 ke atas sebuah syarikat kerana didapati telah membenarkan pembakaran terbuka berlaku di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung, Nibong Tebal, Pulau Pinang iaitu kesalahan di bawah Seksyen 29A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta telah gagal mematuhi syarat kelulusan Laporan Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) di bawah Seksyen 34A(7), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kesalahan tersebut telah dilakukan pada 12 Januari 2022 dan 13 Januari 2022. OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan semasa sebutan kes tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Butterworth telah menjatuhkan hukuman bersalah terhadap OKS dan didenda sebanyak RM100,000.00 setiap pertuduhan.

Orang awam diseru untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>. ✓

[#kementeriانسumberaslidankelestarianalam](#)

[#jabatanalamsekitar](#)

[#jaspulaupinang](#)

[#alamsekitartanggungjawabbersama](#)

[#jaspp_jan2025](#)

KES MAHKAMAH
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

MAHKAMAH SESYEN 2,
BUTTERWORTH, PULAU PINANG

PERTUDUHAN
KE ATAS SYARIKAT

PLB TERANG
SDN.BHD

HUKUMAN
KE ATAS SYARIKAT
OKS MENGAKU SALAH
PADA 17 JANUARI 2025

TARIKH KESALAHAN :
12 Januari 2022 & 13 Januari 2022

PERTUDUHAN PERTAMA :
SEKSYEN 29A(1), AKTA KUALITI ALAM
SEKELILING 1974

PERTUDUHAN KEDUA :
SEKSYEN 34A(7), AKTA KUALITI ALAM
SEKELILING 1974

DENDA P1 : RM100,000.00
P2 : RM100,000.00

f JABATAN ALAM SEKITAR @ JABATANALAMSEKITAR X JABATAN ALAM SEKITAR y JABATAN ALAM SEKITAR "ALAM SEKITAR TANGGUNJAWAB BERSAMA"